

TARIKH	30 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	DLM NEGERI

## Kenaikan kos haji belum diputuskan

SEPANG 29 Nov. - Lembaga Tabung Haji (TH) hari ini menegaskan masih terlalu awal untuk mengandaikan kos tambang haji akan mengalami kenaikan di masa hadapan, ekoran kerja-kerja pembesaran kawasan Masjidil Haram di Mekah.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Paduka Ismee Ismail (**gambar**) berkata, sehingga kini, pihak TH tidak dimaklumkan sama ada kerja-kerja pembesaran itu akan membabitkan kerja merobohkan bangunan yang menjadi tempat penginapan jemaah haji Malaysia.

"Jika ada kita perlu lihat berapa banyak bangunan TH yang akan terlibat kerana kesannya sudah pasti kepada kos penginapan jemaah haji Malaysia.

"Kita tidak nafikan bila jumlah bilik berkurangan, maka harga penginapan akan meningkat, sekali gus memberikan kesan kepada tambang haji," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyambut kepulangan 351 jemaah haji Malaysia dan petugas TH yang merupakan kumpulan terakhir tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Ketibaan jemaah haji itu tidak termasuk mereka yang masih dirawat di hospital Arab Saudi.

